



Kerjaya Seorang Peguam : Penegak Keadilan Atau Pembela Kesalahan?

Oleh:
Mohd Syahmil bin Samsudin
Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Insaniah

Abstrak

Islam amat menitik beratkan soal keadilan. Kerana itu, ia menjadi salah satu daripada prinsip-prinsip syariah yang perlu dijunjung tinggi. Keadilan mencakupi segenap aspek kehidupan samada urusan keduniaan ataupun urusan akhirat. Antara bidang yang sangat sinonim dengan proses menegakkan keadilan ialah bidang perundangan. Peguam pula memainkan peranan yang signifikan dalam bidang tersebut. Maka artikel ini akan memfokuskan kepada kerjaya seorang peguam merangkumi peguambela dan peguamcara serta peguam syarie, dan akan menghuraikannya dari kaca mata agama dan realiti semasa.

Kata Kunci: *Profesion undang-undang, bidang tugas, perspektif agama, sistem kehakiman dan perundangan, integriti.*

Pendahuluan

“Lawyer” atau peguam merupakan suatu istilah yang sudah terkenal sejak sekian lama sehinggakan ia menjadi sebahagian daripada dialog yang diungkapkan dalam salah sebuah filem Melayu. Walaubagaimanapun, didapati masih ada di kalangan masyarakat kita yang kelihatannya masih belum memahami tugas seorang peguam. Bahkan ada yang menganggap peguam merupakan antara individu yang paling banyak berbohong. Justeru, penulis berasa terpenggil untuk menulis sedikit sebanyak berkaitan kerjaya seorang peguam. Dalam artikel ini, penulis akan membincangkan beberapa perkara yang menyentuh aspek hukum dan undang-undang serta polemik yang menghantui para peguam Muslim khususnya, yang beramal di mahkamah sivil dan mahkamah syariah.

Definisi Peguam

Dari sudut bahasa, peguam ditakrifkan sebagai orang yang ahli dalam bidang undang-undang yang biasanya menjadi pembela atau pendakwa dalam sesuatu perkara di mahkamah¹. Dari sudut perundangan pula ‘peguam bela dan peguam cara’, dan ‘peguam cara’ ertinya seseorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam di bawah Akta Profesion Undang-Undang atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis

1 Kamus Dewan Edisi Keempat di <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=peguam>, dilihat pada 17/05/2016.

sebelum permulaan kuat kuasa Akta Profesion Undang-Undang 1976¹. Peguam Syarie pula ditakrifkan sebagai peguam syarie yang diterima masuk sebagai peguam syarie menurut peruntukan Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1992².

Secara ringkasnya peguam dapat dikategorikan seperti berikut:

- a) Peguambela dan Peguamcara (disebut juga sebagai peguam sivil);
- b) Peguam Syarie; dan
- c) Peguambela dan Peguamcara yang juga menjadi Peguam Syarie.

Bidang Tugas seorang Peguam

Bidang tugas seorang peguam dapat dibahagikan kepada tiga bidang iaitu:

a) Bidang litigasi

Dalam bidang ini, seseorang peguam itu akan bertindak menyelesaikan sesuatu kes menerusi sistem mahkamah³. Dalam erti kata yang lain, peguam terbabit akan pergi ke mahkamah dan akan melalui proses yang ditetapkan seperti sebutan kes, perbicaraan dan sebagainya. Contohnya kes bunuh, rompak, kegagalan menyelesaikan pinjaman bank dan sebagainya. Peguam syarie juga terlibat dengan bidang ini kerana kes-kes syariah juga diselesaikan menerusi sistem mahkamah. Contohnya kes tuntutan hak jagaan anak dan seumpamanya.

Bidang conveyancing

Dalam bidang ini, seseorang peguam itu akan terlibat dalam urusan perpindahan hak milik sesuatu harta menurut undang-undang seperti penjualan rumah dan sebagainya⁴. Peguam *conveyancing* biasanya tidak terlibat dengan penyelesaian pertikaian di mahkamah. Tugas mereka lebih kepada penyediaan dokumen perpindahan hak milik sesuatu harta untuk ditandatangani oleh pihak-pihak yang terlibat. Bidang ini lebih tertumpu kepada peguam sivil dan bukannya peguam syarie.

1 Seksyen 2, Akta Profesion Undang-Undang 1976.

2 Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1992.

3 HG.Org Legal Resources di <https://www.hg.org/litigation-law.html>. Dilihat pada 17/05/2016.

4 Black's Law Dictionary Edisi ke-7 1999 di

https://en.wikipedia.org/wiki/Conveyancing#cite_note-1. Dilihat pada 17/05/2016.

b) Bidang korporat

Dalam bidang ini, seseorang peguam itu bertanggungjawab dalam memastikan segala transaksi yang dibuat oleh sesuatu syarikat adalah menurut peruntukan undang-undang. Mereka juga berperanan menasihati perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak dan tanggungjawab- tanggungjawab syarikat terbabit¹. Bidang ini juga lebih tertumpu kepada peguam sivil

Selayang Pandang Konsep Kepeguaman Dalam Islam

Firman Allah bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۗ فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا ۗ وَإِن تَلَوُوا أَوْ تَعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا²

Dalam ayat di atas, Allah Azza Wa Jalla menyuruh kita menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan walaupun ke atas diri sendiri, ibu bapa dan kaum kerabat.

Dalam ayat yang lain Allah berfirman maksudnya:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا³

Dalam ayat di atas Allah telah memerintahkan kita supaya menyerahkan amanah-amanah kepada orang yang mempunyai keahlian untuk memikulnya. Seterusnya Allah telah memperingatkan orang-orang yang berkuasa menjatuhkan hukuman agar berhukum dengan adil.

1 Alan B. Bernstein and Princeton Review Publishing Staff (2004). "Corporate Lawyer". *Guide to Your Career*. The Princeton Review. ISBN 0-375-76399-6. Di https://en.wikipedia.org/wiki/Corporate_lawyer#cite_note-Princeton-2. Dilihat pada 17/05/2016.

2 Al-Nisa':135, di <http://quran.al-islam.org/>.

3 Al-Nisa': 58, di <http://quran.al-islam.org/>.

Peranan seorang peguam hakikatnya telah wujud sejak zaman awal Islam lagi¹. Rasulullah sendiri pernah memainkan peranan yang lazimnya dilaksanakan oleh seorang peguam pada hari ini. Ini dapat diterangkan melalui hadis:

حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ، حَدَّثَنَا وَهْبُ بْنُ جَرِيرٍ، حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ، سَمِعْتُ يَعْلَى بْنَ حَكِيمٍ، عَنْ عِكْرِمَةَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا - قَالَ لَمَّا أَتَى مَا عِزُّ بْنُ مَالِكٍ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ " لَعَلَّكَ قَبَّلْتَ أَوْ عَمَزْتَ أَوْ نَظَرْتَ ". قَالَ لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ. قَالَ " أَنْكَبْتَهَا ". لَا يَكْنِي. قَالَ فَعِنْدَ ذَلِكَ أَمَرَ بِرَجْمِهِ².

Hadis di atas menceritakan tentang seorang lelaki bernama Maiz bin Malik dimana beliau telah mengaku berzina kepada Rasulullah. Rasulullah tidak terus menjatuhkan hukuman tetapi bertanya terlebih dahulu kepada Maiz bahawa mungkin Maiz hanya mencium, mengenyitkan mata atau melihat perempuan itu. Tetapi Maiz menafikan. Akhirnya, Rasulullah telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas Maiz. Tindakan Rasulullah itu menunjukkan bahawa Baginda telah menyiasat terlebih dahulu terhadap pengakuan Maiz dan peranan inilah yang dimainkan oleh peguam pada hari ini. Selain itu terdapat beberapa kes dimana peranan peguam telah dijalankan oleh sahabat Nabi. Antaranya ialah seperti berikut:

Kes Perempuan Yang Membuat Dakwaan Palsu Bahawa Dia Telah Dicabul

Seorang perempuan telah mengadu kepada khalifah Umar al-Khattab bahawa dia telah dicabul oleh seorang pemuda. Perempuan tersebut telah menyapu putih telur di pakaian dan kakinya sebagai suatu bentuk keterangan untuk membuktikan dakwaannya. Khalifah Umar telah meminta pandangan Ali bin Abi Talib dan Ali bin Abi Talib telah mencurahkan air panas ke atas pakaian wanita terbabit dan didapati ia adalah putih telur³. Dakwaan wanita itu telak ditolak.

1 Zulkifli Hasan, (2010), *Ethical Principles of Lawyers in Islam*, h.4, di <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/10/shariah-law-report-ethics.pdf>. Dilihat pada 17/05/2016.

2 *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Hudud, Hadis No. 53, di <http://sunnah.com/bukhari/86>.

3 Menurut Zulkifli Hasan, kisah ini disebut dalam kitab *Turuq al-Hukmiyyah* oleh ibn Qayyim al-Jauziyyah, h.70.

Kes Seorang Isteri Mengadu Kepada Khalifah Kerana Suaminya Terlalu Kuat Beribadah

Antara kes lain yang menarik untuk dijadikan contoh ialah kes yang melibatkan seorang isteri yang mengadu kepada khalifah Umar al-Khattab tentang suaminya yang beribadah sepanjang malam dan berpuasa setiap hari sehingga isterinya berasa tidak dihiraukan oleh si suami. Dalam kes ini Kaab bin Sur al-Azdi telah memberikan pandangannya iaitu lelaki tersebut boleh beribadah selama tiga hari tiga malam dan sehari semalam untuk melayani isterinya¹. Khalifah menerima pandangan Kaab.

Kes Lelaki Yang Memegang Pisau Yang Berlumuran Darah Dituduh Membunuh

Seorang lelaki telah dihadapkan di hadapan Khalifah Ali bin Abi Talib kerana dituduh membunuh. Ini berdasarkan kepada keadaan beliau yang sedang memegang pisau yang berlumuran darah dan beliau berada berdekatan dengan seorang mayat. Apabila ditanya oleh khalifah, maka beliau telah mengaku membunuh dan telah dijatuhkan hukuman mati. Namun apabila hukuman hendak dijalankan, seorang lelaki telah muncul dan mengaku bahawa dialah pembunuh sebenar. Khalifah bertanya kepada lelaki pertama tadi mengapa beliau mengaku sedangkan beliau tidak bersalah. Lelaki tersebut menjawab sekiranya beliau tidak mengaku sekali pun, tiada siapa yang akan mempercayainya kerana wujud bukti yang jelas. Justeru, khalifah telah meminta pendapat al-Hasan bin Ali. Al-Hasan berpendapat kedua-dua mereka patut dilepaskan kerana lelaki yang pertama itu memang tidak bersalah manakala pengakuan pesalah sebenar telah menyelamatkan nyawa lelaki yang tidak bersalah tadi. Khalifah menerima hujah tersebut dan mengarahkan pesalah sebenar membayar diyat menggunakan wang Baitul Mal².

Perlukah Melantik Peguam?

Pada zaman kini, sistem perundangan dan mekanisma untuk menegakkan keadilan telah berkembang. Pada zaman awal Islam, sistem kehakiman lebih berbentuk *inquisitorial* dimana mahkamah sendiri yang akan menyiasat sesuatu

1 Menurut Zulkifli Hasan, kisah ini disebut dalam kitab *Tarikh al-Qadha' fi al-Islam* h.110.

2 Zulkifli Hasan, (2008), *The Prophet's Tradition On The Ethical Principle of Lawyers*, di <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/jurnal-hadith.pdf> h.5, dilihat pada 18/05/2016.

kes¹. Dalam memutuskan sesuatu kes, para hakim akan memainkan peranan yang lebih aktif dan dominan berbanding peguam. Sebagai contoh, menerusi sistem ini, pihak mahkamah sendiri yang akan menentukan saksi-saksi yang hendak dipanggil untuk memberi keterangan. Selain itu, hakim akan menggunakan kuasanya untuk menentukan perjalanan sesuatu kes di mahkamah termasuk melakukan sebahagian besar pemeriksaan saksi dan keterangan pakar². Pada hari ini, sistem mahkamah lebih kepada sistem *advisarial* dimana mahkamah hanya memutuskan kes berdasarkan keterangan yang dikemukakan dan samada pihak-pihak yang terlibat telah memenuhi tahap pembuktian yang ditetapkan³.

Dalam Islam, pada dasarnya pihak-pihak yang bertikai sendiri boleh pergi ke mahkamah dan berhujah di hadapan hakim⁴.

Hal ini dapat digambarkan melalui hadis:

حَدَّثَنِي عَلِيُّ بْنُ حُجْرٍ السَّعْدِيُّ، حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسَهَّرٍ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ دَخَلَتْ هِنْدُ بِنْتُ عُتْبَةَ امْرَأَةً أَبِي سُفْيَانَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ لَا يُعْطِينِي مِنَ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِيَّ إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْ مَالِهِ بغيرِ علمِهِ . فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " خُذِي مِنْ مَالِهِ بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيكَ وَيَكْفِي بَنِيكَ"⁵

Hadis di atas menceritakan tentang seorang perempuan bernama Hindun yang datang mengadu kepada Rasulullah tentang sifat suaminya iaitu Abu Sufyan yang kedekut dan tidak memberi nafkah yang cukup kepadanya dan anak-anaknya. Lalu diambilnya wang Abu Sufyan tanpa pengetahuannya. Maka

1 Kafayat Motilewa Quadri, Hunud Abia Kadaouf, Mohammad Naqib Ishan Jan, Mohd. Iqbal Abdul Wahab, Haniff Ahamat, (2015), *Adquisitorial: The Mixing of Two Legal Systems*, International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS) Volume 3, Issue 1, di <http://www.isaet.org/images/extraimages/P115322.pdf>., h.32., dilihat pada 19/05/2016.

2 *Op.Cit*, Kafayat.

3 *Ibid*.

4 Mohd Saleh bin Haji Ahmad, (2014), *Sistem Kehakiman Islam* (Ter.), Kuala Lumpur, Pustaka Haji Abdul Majid, h.165.

5 *Sahih Muslim*, Kitab al-Aqdhiyah, hadis No. 8, di <http://sunnah.com/muslim/30>.

Rasulullah telah memerintahkan bahawa Hindun boleh mengambil harta suaminya itu dengan cara yang baik yang dapat memenuhi keperluannya dan keperluan anak-anaknya.

Dalam hadis yang lain:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْمُبَارَكِ الْمُخَرَّمِيُّ، حَدَّثَنَا قُرَادُ أَبُو نُوحٍ، حَدَّثَنَا جَرِيرُ بْنُ حَازِمٍ، عَنْ
أَيُّوبَ، عَنْ عِكْرِمَةَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ جَاءَتْ امْرَأَةٌ ثَابِتِ بْنِ قَيْسِ بْنِ شِمَاسٍ إِلَى
النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا أَنْتُمْ عَلَى ثَابِتٍ فِي دِينٍ وَلَا خُلُقٍ، إِلَّا أَنِّي أَخَافُ
الْكُفْرَ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " فَتَرَدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيثَهُ ". فَقَالَتْ نَعَمْ. فَرَدَّتْ
عَلَيْهِ، وَأَمَرَهُ فَفَارَقَهَا¹

Hadis di atas menceritakan tentang isteri Thabit bin Qais yang datang mengadu kepada Rasulullah bahawa beliau sudah tawar hati dengan suaminya. Maka Rasulullah bertanya kepada beliau samada beliau mahu memulangkan kebunnya kepada suaminya. Maka beliau bersetuju dan Rasulullah pun mengarahkan perceraian antara mereka.

Dalam sistem perundangan shariah moden, kes Hindun di atas adalah termasuk dalam kes tuntutan nafkah². Ini dapat diterangkan dalam kes *Seri Utama Dewi Kasman lwn. Abu Bakar bin Abdullah*³. Dalam kes ini, perayu telah menuntut nafkah isteri dan anak. Pihak mahkamah telah membenarkan rayuannya dan memerintahkan responden membayar RM700 sebulan kepadanya dan RM300 sebagai nafkah anak.

Bagi kes isteri Thabit bin Qais pula, ia adalah sama seperti kes tebus talak atau *khul'* di mahkamah syariah pada hari ini⁴. Ini dapat dijelaskan dalam kes *Talib*

1 *Sahih al-Bukhari*, kitab al-Talaq, hadis No. 25, di <http://sunnah.com/bukhari/68>.

2 Seksyen 59 dan 77, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, di <http://www.mswp.gov.my/>.

3 *Jurnal Hukum* 30 Bhg.1 (1431/2010), 111. Kes ini dibincangkan oleh Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman dan Bahiyah Ahmad dalam artikel bertajuk *Penentuan Kadar Kifayah dan Makruf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah*, *Jurnal Syariah*, Jilid 20 Bil.2, Mei-Ogos 2012, di https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002815_83746.pdf, dilihat pada 22/05/2016.

4 Seksyen 49, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, di <http://www.mswp.gov.my/>.

*lwn. Che Sepiah*¹ dimana seorang isteri telah memohon untuk bercerai secara tebus talak.

Walaubagaimanapun, pihak yang bertikai boleh melantik peguam untuk melaksanakan tugas tersebut. Seorang peguam akan bertindak bagi pihak anakkuamnya. Maka beliau menggalas tanggungjawab sebagai wakil dan akan tertakluk dengan hukum *wakalah*. Secara lebih khusus, ia disebut *al-Wakalah bi al-Khusumah*². Dalam undang-undang sivil, konsep ini turut diamalkan yang disebut sebagai *retainer's agreement*³. Wakil tersebut juga boleh menerima upah seperti mana yang diterima oleh seorang peguam pada hari ini.⁴

Dalam konteks semasa, melantik peguam untuk menyelesaikan kes di mahkamah adalah sangat wajar kerana para peguam lebih memahami dan berkemahiran dalam proses undang-undang. Seperti mana yang telah diterangkan dalam sub topik terdahulu, sistem mahkamah hari ini lebih pasif dimana mahkamah hanya mendengar hujah-hujah yang dikemukakan dan membuat keputusan. Maka, kebijaksanaan seorang peguam sangat diperlukan agar keadilan dapat ditegakkan dengan menghukum orang yang salah dan melepaskan orang teraniaya, memberi kepada yang berhak dan mengalangi si zalim mengambil hak insan lain dengan cara yang batil. Namun proses ini tidaklah semudah yang disangka kerana ia melibatkan prosedur yang jarang difahami oleh orang awam. Tanpa khidmat seorang peguam, dibimbangi akan berlaku suasana hiruk-pikuk di mahkamah kerana sesiapa sahaja dengan gaya dan cara tersendiri akan berlagak wira menuntut apa sahaja.

Hal ini yang diingatkan oleh junjungan besar kita dalam hadis baginda:

حَدَّثَنِي أَبُو الطَّاهِرِ، أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ سَرْحٍ أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، عَنِ ابْنِ جُرَيْجٍ، عَنِ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ”لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَاهُمْ وَلَكِنَّ الْيَمِينَ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ“⁵

1 (1979) 1 JH (1) 84, di <https://www.scribd.com/doc/55176383/law2221-1>, dilihat pada 22/05/2016.

2 *Op.Cit*, Mohd Saleh Ahmad h. 166.

3 Rujuk kes *Teoh Kiong Huat lwn. Syarikat Perusahaan Kelapa Sawit Sdn. Bhd.* [2011] 1 LNS 873, di <http://www.cljlaw.com/Members/DisplayCase.aspx?CaseId=2913866753>, dilihat pada 23/05/2016.

4 *Op.Cit*, Mohd Saleh Ahmad, h.166-168.

5 *Sahih Muslim*, Kitab al-Aqdhayah, hadis No.1, di <http://sunnah.com/muslim/30>.

Hadis di atas menjelaskan jika manusia diberikan hak untuk mendakwa, maka mereka akan sewenang-wenangnya menuntut darah-darah dan harta-harta manusia lain. Tetapi pihak yang kena tuntutan atau kena tuduh perlu bersumpah. Dalam erti kata lain pihak yang kena tuduh atau kena tuntutan berhak membela diri.

Peguam Membela Orang Salah?

Ungkapan di atas seakan sinonim dengan tugas seorang peguam terutamanya bagi peguam yang terlibat dalam bidang litigasi. Ia kelihatan seperti suatu konotasi yang bernada sinis penuh prejudis. Namun pada hemat penulis tanggapan tersebut perlu diperbetulkan. Harus diingat bahawa seorang peguam tidak membela orang salah tetapi membela orang yang dituduh di mahkamah. Terdapat perbezaan antara tertuduh dan pesalah. Tertuduh belum tentu bersalah di mahkamah walaupun pada hakikatnya dia telah melakukan kesalahan. Ini kerana untuk mensabitkan seorang tertuduh dengan suatu kesalahan, ia mestilah dibuktikan dengan keterangan yang mencukupi dan bebas daripada keraguan. Jadi, inilah peranan peguam yang berperanan menilai dan menganalisis keterangan daripada pihak pendakwaan. Jika terdapat kecacatan pada keterangan pendakwaan, peguambela bertanggungjawab mencabar keterangan tersebut di samping mengemukakan keterangan untuk membela anakguamnya.

البينة على المدعي واليمين على من أنكر (keterangan ke atas pendakwa dan sumpah ke atas pihak yang mengingkarinya).

Prinsip di atas disebut oleh Umar al-Khattab dalam suratnya kepada Abu Musa al-Ash'ari ketika dilantik menjadi qadhi. Beliau menyatakan bahawa pihak yang mendakwa atau menuntut hendaklah membawa keterangan dan pihak tertuduh atau yang kena tuntutan perlu bersumpah¹.

²الأصل براءة الذمة (pada asalnya seseorang itu bebas dari tanggungan).

Keedah fiqh ini menunjukkan bahawa pada asalnya, seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan termasuk kesalahan jenayah dan liabiliti terhadap

1 Muhammad Dahiru Shuni, Attahir Shehu Mainiyo, *Justice and Its Relevance in Curtailing Security Challenge in Nigeria*, IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS) Volume 19, Issue 4, Ver. III (Apr. 2014), h.29, di www.iosrjournals.org, dilihat pada 24/05/2016.

2 Al-Suyuti, (2010), *al-Ashbah Wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-'ilmiyah, h.53, di <http://shamela.ws/index.php/book/21719>. Dilihat pada 22/05/2016.

pihak penuntut. Justeru, menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan atau pihak yang menuntut untuk membuktikan dakwaan dan tuntutan mereka. Maka, selagi mana seseorang itu tidak disabitkan dengan suatu kesalahan, atau liabiliti, mereka masih dikira orang yang tidak bersalah atau bertanggung.

Sebagai contoh, seorang tertuduh zina, apabila dibawa ke muka pengadilan, dia akan dibicarakan. Tetapi disebabkan peguambelanya telah berjaya membuktikan bahwa saksi-saksi kes tersebut adalah fasik maka pembuktian kes zina adalah tidak mencapai tahap yang diperlukan. Akibatnya, mahkamah terpaksa melepaskan tertuduh daripada tuduhan zina. Namun itu bukan bermakna peguam tadi telah membela orang salah tetapi beliau mencabar kekuatan keterangan pihak pendakwaan. Walaupun tertuduh tadi dilepaskan oleh mahkamah, ini tidak bermakna tertuduh kesalahan zina tersebut telah bebas daripada dosa zinanya hanya semata-mata kerana dia telah bebas dariapda tuduhan tersebut di mahkamah. Jika benar dia melakukan zina, dia perlu bertaubat kepada Allah Azza Wajalla dengan *taubat nasuha*.

Dari perspektif undang-undang syariah, ia dapat diterangkan dalam kes *Pegawai Pendakwa Muis lwn. Haji Adib bin Datuk Said Besar Sigoh*¹. Dalam kes ini, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan tertuduh telah melakukan perisetubuhan luar nikah dan mahkamah telah membebaskan tertuduh. Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Jaiman Masta@Mastah dan Jamidah bte Abdul Majid*², mahkamah telah melepaskan tertuduh kes khalwat tanpa dipanggil membela diri.

Kadangkala, ada faktor-faktor tertentu yang menyebabkan gugurnya suatu pertuduhan antaranya tertuduh telah melakukan kesalahan kerana dipaksa, gila, bawah umur, tersilap dan sebagainya.

Allah Azza Wajalla berfirman maksudnya:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا
فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ³.

1 (1989) JH 6 (2) 306 di

<http://www.esyariah.gov.my/JurnalHukumSearch/htdocs/jurnalhukumsearch>.

2 (2005) JH 20 (1) 154 di

<http://www.esyariah.gov.my/JurnalHukumSearch/htdocs/jurnalhukumsearch>.

3 Al-Nahl: 106, di <http://tanzil.net/#16:106>.

Ayat di atas menunjukkan bahwa jika seseorang melafazkan perkataan yang membawa kepada kufur secara terpaksa (yang memenuhi syarat paksaan), maka dia dimaafkan walaupun pada zahirnya tertuduh telah kelihatan kufur dan tertakluk dengan hukuman hudud.

Allah Azza Wajalla juga berfirman maksudnya:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً ۚ وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَّدَّقُوا ۚ فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ ۚ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ ۚ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامٌ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِنَ اللَّهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا¹

Ayat di atas menunjukkan bahawa tertuduh yang menyebabkan kematian secara tersilap tidak akan dihukum dengan bunuh balas tetapi dikenakan diyat. Kesilapan adalah suatu perkara subjektif yang tidak boleh diukur dengan neraca atau alat penimbang moden. Maka sudah pasti ia memerlukan seorang peguam untuk membuktikan telah berlaku kesilapan atau sebaliknya.

Hal ini dijelaskan dalam hadis sahih:

حَدَّثَنَا ابْنُ السَّرْحِ، أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي جَرِيرُ بْنُ حَازِمٍ، عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ مِهْرَانَ، عَنْ أَبِي ظَبْيَانَ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ مَرَّ عَلِيٌّ بِبَنِي أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِمَعْنَى عُمَانَ . قَالَ أَوْ مَا تَذَكَّرُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ الْمُجْنُونِ الْمُغْلُوبِ عَلَى عَقْلِهِ حَتَّى يُفَيَّقَ وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَخْتَلِمَ " . قَالَ صَدَقَتْ قَالَ فَخَلَّى عَنْهَا سَبِيلَهَا²

Dalam hadis yang lain:

1 Al-Nisa': 92, di <http://tanzil.net/#4:92>.

2 Sunan abi Dawud, kitab al-Hudud, hadis No. 51, di <http://sunnah.com/abudawud/40>.

عن ابن عباس رضي الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ لِي عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ"¹

Dalam dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa seseorang yang dituduh di mahkamah atas sesuatu tuduhan, mempunyai ruang untuk membela diri jika jenayah itu dilakukan kerana dia tidak berakal, belum baligh, tersilap atau dipaksa.

Pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab, beliau tidak menjatuhkan hukuman hudud ke atas tertuduh zina kerana mendapati perempuan tersebut telah melakukan hubungan seks dengan seorang lelaki secara tidak rela kerana bimbang akan mati kehausan². Maka, khalifah Umar telah melepaskan wanita terbabit.

Begitu juga terdapat satu kes pencuri yang tidak dijatuhkan hukuman potong tangan ke atasnya oleh Umar al-Khattab kerana kes itu berlaku pada waktu kemarau dan rakyat menghadapi krisis makanan³.

Dalam kes ta'zir pula, jika terbukti tertuduh telah melakukan suatu kesalahan, maka peguambela masih boleh memohon mahkamah meringankan hukuman yang dikenakan berdasarkan faktor-faktor tertentu seperti kesalahan kali pertama dan sebagainya⁴. Prinsip-prinsip di atas juga turut digunapakai dalam undang-undang jenayah syariah⁵ dan undang-undang jenayah sivil di Malaysia⁶.

Walaupun seorang peguam mempunyai hak untuk berhujah, mereka perlulah mempunyai integriti yang tinggi khususnya peguam Muslim. Setiap keterangan

1 Al-Nawawi, *al-Arba'un al-Nawawiyyah*, hadis No. 39, di <http://sunnah.com/nawawi40>.

2 Al-Sarakhsi, (1993), *al-Mabsut*, jld.9, Dar al-Ma'rifah, Beirut, h.58, di <http://shamela.ws/browse.php/book-5423#page-1859>, dilihat pada 22/05/2016.

3 Ibn Qayyim al-Jauziyah, (1991), *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*, jld.3, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.17, di <http://shamela.ws/browse.php/book-11496#page-613>. Dilihat pada 22/05/2016.

4 Seksyen 129,133 Kanun Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, di <http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/document3/Buku%2>

5 Seksyen 51-53 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, di <http://rr.mpc.gov.my>.

6 Seksyen 76-106, Kecualian 1-5 seksyen 300 Kanun Keseksaan.

dan hujah yang dikemukakan mestilah bebas daripada sebarang tipu daya dan kepalsuan.

Perkara ini diingatkan oleh Rasulullah dalam hadis:

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ، أَخْبَرَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ زَيْنَبِ بِنْتِ أَبِي سَلَمَةَ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّكُمْ تَحْتَصِمُونَ إِلَيَّ وَلَعَلَّ بَعْضَكُمْ أَنْ يَكُونَ أَحْسَنَ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ فَأَفْضِي لَهُ عَلَى نَحْوِ مِمَّا أَسْمَعُ مِنْهُ فَمَنْ قَطَعْتُ لَهُ مِنْ حَقِّ أَخِيهِ شَيْئًا فَلَا يَأْخُذْهُ فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ بِهِ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ ¹

Hadis di atas menunjukkan bahawa jika sesuatu pihak-pihak yang bertikai membawa suatu kes ke muka pengadilan dan salah satu pihak telah memenangi kes tersebut disebabkan kepetahan hujahnya, sedangkan dia tidak berhak terhadap hak yang dipertikaikan, maka dia telah memotong untuknya daripada potongan api neraka.

Bagi peguam yang terlibat dalam litigasi perbankan, mereka juga akan berhadapan dengan suatu ujian keimanan khususnya yang menjadi peguam panel bagi sistem perbankan konvensional. Sebagai contoh, jika pelanggan sesebuah bank gagal melunaskan tunggakan ansuran rumah, kereta, kad kredit, pinjaman peribadi dan seumpamanya seperti yang dikehendaki oleh pihak bank, maka bank tersebut akan mengarahkan peguam panelnya untuk menghantar notis peringatan dan jika masih berdegil, peguam panel akan diarahkan untuk mengambil tindakan undang-undang. Inilah jebak yang memerangkap dan menduga jatidiri seorang peguam Muslim khususnya. Mereka perlu akur dengan arahan pihak bank untuk menuntut sesuatu yang diharamkan dalam Islam iaitu riba. Jika tidak, dibimbangi pihak bank akan menamatkan perkhidmatan mereka sebagai peguam panel. Justeru, para peguam perlulah menggilap keimanan agar menjadi benteng dalam mendepani godaan dunia yang manis nan hijau ini.

Dalam hal ini Allah SWT telah memberi peringatan dalam firmanNya yang bermaksud:

¹ Sahih Muslim, Kitab al-Aqdhiyah, hadis No.4, di <http://sunnah.com/muslim/30>.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ¹

Menerusi ayat di atas, Allah menyuruh kita agar tolong-menolong dalam perkara yang baik dan taqwa dan melarang kita daripada bantu-membantu dalam perkara dosa dan perseteruan.

Dalam ayat yang lain Allah berfirman maksudnya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ ۗ²

Ayat di atas mempamerkan tegahan Allah untuk kita memakan harta orang lain dengan cara yang batil kecuali menerusi aktiviti jual-beli yang dilakukan dengan kerelaan pihak yang terlibat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ {278} 3
فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ
وَلَا تُظْلَمُونَ {279} 4

Ayat-ayat di atas menerangkan bahawa Allah memerintahkan orang mukmin supaya tidak menuntut saki-baki riba daripada orang yang berhutang. Jika tidak, Allah memberi ancaman perang kepada mereka. Tetapi pemberi hutang masih boleh menuntut jumlah pokok yang diberi kepada penghutang.

Peguam Menegakkan Undang-Undang Sekular?

Memang diakui undang-undang Malaysia banyak menggunakan undang-undang British bahkan ahli undang-undang British turut terlibat dalam penggubalan undang-undang samada secara langsung atau sebaliknya, sebagai

1 Al-Ma'idah: 2, di <http://quran.al-islam.org/>.

2 Al-Nisa': 29, di <http://quran.al-islam.org/>.

3 Al-Baqarah: 278 di <http://quran.al-islam.org/>.

4 *Ibid.*: 279.

contoh Lord Reid¹ dan Lord Macaulay². Jika ditinjau bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah Islam, ia terbahagi kepada hudud, qisas dan ta'zir. Hukuman yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah yang lain pula lebih bersifat ta'zir. Sebagai contoh hukuman penjara³. Ini termasuklah undang-undang yang digunapakai di mahkamah syariah. Jika diteliti, terdapat seksyen berkaitan dengan kesalahan persetubuhan luar nikah⁴ dan meminum minum memabukkan⁵. Walaubagaimanapun, hukumannya tidak melebihi 3 tahun penjara, denda tidak melebihi RM5000 dan sebatan tidak melebihi 6 kali walaupun ia termasuk dalam kesalahan hudud⁶.

Demikian juga peruntukan undang-undang dalam Kanun Keseksaan umpamanya, terdapat beberapa seksyen berkaitan kesalahan bunuh⁷, curi⁸, rompak⁹, dan berperang melawan Yang di-Pertuan Agong¹⁰. Kesalahan-Kesalahan tersebut termasuk dalam kesalahan hudud dan qisas tetapi tidak semua hukumannya mengikut hukuman hudud kecuali kes bunuh dan berperang melawan Yang di-Pertuan Agong. Perkara ini yang boleh menimbulkan kemusykilan di kalangan masyarakat.

Bagi merungkaikan permasalahan di atas, penulis ingin menarik perhatian para pembaca kepada huraian sub topik terdahulu iaitu pertuduhan sesuatu kesalahan akan gugur jika tidak memenuhi tahap pembuktian yang ditetapkan atau terdapat keraguan. Ini termasuklah kes-kes hudud dan qisas. Jika ada keraguan, hukuman hudud dan qisas akan digugurkan. Tetapi jika tertuduh dibiarkan bebas, ini tidak memberi keadilan kepada mangsa jenayah. Justeru hukuman ta'zir yang terkandung dalam Kanun Keseksaan dan seumpamanya adalah merupakan

1 Beliau terlibat dalam penggubalan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

2 Mohamad Shariff Hj. Abu Samah, Asidah Hj. Mohd Ali, (2011), *Undang-Undang Jenayah Malaysia*, Petaling Jaya, International Law Book Services, h.32-33. Lord Macaulay terlibat dalam penggubalan Kanun Keseksaan India yang akhirnya diadaptasi dalam Kanun Keseksaan Malaysia.

3 Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, jld.7, Damsyiq, Dar al-Fikr, h.5592, di <http://shamela.ws/browse.php/book-384#page-5430>.

4 Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

5 *Ibid.*, seksyen 19.

6 Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak- 1988), di http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf.

7 Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

8 *Ibid.*, seksyen 379.

9 *Ibid.*, seksyen 392.

10 *Ibid.*, seksyen 121.

alternatif terbaik setakat ini. Dalam konteks Malaysia, para peguam haruslah memahami bahawa undang-undang jenayah yang digunakan sekarang adalah bersifat ta'zir sahaja sementara menantikan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam sepenuhnya Insyaallah¹.

Peguam *Conveyancing* Terlibat Dengan Riba?

Seperti mana yang telah diterangkan diawal perbincangan dalam artikel ini, peguam *conveyancing* bertanggungjawab menulis perjanjian jual beli, pinjaman bank dan sebagainya, lalu menjadi saksi terhadap pihak-pihak yang bertransaksi. Amalan ini adalah digalakkan dalam Islam dimana hukumnya adalah sunat untuk menulis rekod hutang-piutang yang berlaku dan melantik saksi dalam berjual-beli.

Hal Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ²

Ayat di atas menyebut tentang anjuran merekodkan butiran hutang-piutang. Begitu juga firman Allah SWT bermaksud:

وَأَشْهَدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ³

Ayat di atas menyarankan kita agar melantik saksi dalam urusan jual-beli. Berkaitan dengan terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian, ia terpulang kepada pihak-pihak yang berkontrak selagi mana tidak mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Hal ini dijelaskan dalam hadis bertaraf hasan sahih:

1 Zaharudin Abd. Rahman, (2007), *Hukum Kerja Peguam, Saksi, Penjamin Bank*, h. 2-3, di <http://zaharuddin.net/kerjaya/281-hukum-kerja-peguam-saksi-penjamin-pinjaman-bank.html>, dilihat pada 23/05/2016.

2 Al-Baqarah: 282, di <http://tanzil.net/#2:282>.

3 *Op.Cit*, al-Baqarah 282.

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ الْخَلَّالُ، حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ الْعَقَدِيُّ، حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ عَوْفِ الْمُرَيْي، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا " . قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ¹

Dalam hadis di atas, Rasulullah bersabda yang bermaksud orang-orang Islam tertakluk dengan syarat-syarat mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Sungguhpun begitu, seperti mana bidang litigasi, bidang *conveyancing* juga tidak sunyi daripada cabaran yang membuatkan seorang peguam Muslim yang menghayati agama dalam kehidupannya berasa gusar dan dihimpit perasaan serba salah. Ini kerana, peguam *conveyancing* adakalanya terpaksa mendraf perjanjian yang mengandungi terma riba atau yang tidak patuh syariah dan adakalanya terpaksa menggunakan perjanjian yang tidak patuh syariah dimana ia telah dijadikan dokumen standard. Bahkan peguam juga akan menurunkan tandatangan sebagai saksi kontrak tersebut.

Firman Allah SWT bermaksud:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ²

Ayat di atas menerangkan bahawa pemakan riba pada hari kiamat nanti akan bangun dalam keadaan terhoyong-hayang seperti dirasuk syaitan kerana mereka mengatakan bahawa jual-beli adalah sama seperti riba.

Dalam satu hadis riwayat Abu Dawud yang bertaraf sahih oleh Albani:

1 *Jami' al-Tirmizi*, kitab Penghakiman Yang Dibuat oleh Rasulullah, hadis No. 32, di <http://sunnah.com/tirmidhi/15>.

2 Al-Baqarah:275, di <http://quran.al-islam.org/>.

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ، حَدَّثَنَا سِمَاكٌ، حَدَّثَنِي عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ
مَسْعُودٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا وَمُوكِلَهُ وَشَاهِدَهُ
وَكَاتِبَهُ¹

Hadis di atas memberitahu kita bahawa Rasulullah melaknat pemakan riba, pemberi riba, saksi akad riba dan penulis akad riba.

Penutup

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan oleh penulis dalam artikel ini, dapatlah disimpulkan bahawa pada dasarnya, Islam tidak menegah peranan seorang peguam bahkan intipati, roh dan semangat peguam itu telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi lalu diikuti oleh para sahabat dan generasi seterusnya. Namun seorang peguam mestilah mempunyai ilmu dan iman yang mantap dalam mendepani dunia perundangan yang begitu mencabar ini. Setiap tindakan seorang peguam perlulah berpaksikan keadilan dan kebenaran selari dengan kehendak Allah SWT dan RasulNya. Mudah-mudahan para peguam kita sentiasa ikhlas dalam menjalankan tugas dan seterusnya mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah dan berpeluang menjejakkan kaki ke dalam syurga abadi bersama redhaNya Inshaallah.

والله أعلم

1 *Sunan abi Dawud*, kitab al-Buyu', hadis No.8, di <http://sunnah.com/abudawud/23>.

RUJUKAN

Al-Quran:

Al-Quran di <http://quran.al-islam.org>.

Al-Quran di <http://tanzil.net>.

Himpunan hadis:

Sahih al-Bukhari <http://sunnah.com/bukhari>.

Sahih Muslim <http://sunnah.com/muslim>.

Sunan abi Dawud <http://sunnah.com/abudawud>.

Jami' al-Tirmizi <http://sunnah.com/tirmidhi>.

Al-Arba'un al-Nawawiyah <http://sunnah.com/nawawi40>.

Kamus:

Kamus Dewan Edisi Keempat di

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=peguam>

Black's Law Dictionary Edisi ke-7 1999 di

https://en.wikipedia.org/wiki/Conveyancing#cite_note-1

Kitab:

Ibn Qayyim al-Jauziyah, (1991), *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, di <http://shamela.ws/browse.php/book-11496#page-613>

Ibn Qayyim al-Jauziyah, *Turuq al-Hukmiyyah*, Maktabah Dar al-Bayan di <http://shamela.ws/browse.php/book-11495>.

Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, Damsyiq, Dar al-Fikr, di <http://shamela.ws/browse.php/book-384#page-5430>.

Al-Sarakhsi, (1993), *al-Mabsut*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, di <http://shamela.ws/browse.php/book-5423#page-1859>

Al-Suyuti, (2010), *al-Ashbah Wa al-Naza'ir*, Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, di <http://shamela.ws/index.php/book/21719>

Abdul Qadir 'Audah, *al-Tashri' al-Jinaa'i al-Islami*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, <http://shamela.ws/browse.php/book-9842>.

Buku:

Mohd Saleh bin Haji Ahmad, (2014), *Sistem Kehakiman Islam* (Ter.), Kuala Lumpur, Pustaka Haji Abdul Majid.

Mohamad Shariff Hj. Abu Samah, Asidah Hj. Mohd Ali, (2011), *Undang-Undang Jenayah Malaysia*, Petaling Jaya, International Law Book Services.

Artikel/Kertas kerja:

Kafayat Motilewa Quadri, Hunud Abia Kadaouf, Mohammad Naqib Ishan Jan, Mohd. Iqbal Abdul Wahab, Haniff Ahamat, (2015), *Adquisitorial: The Mixing of Two Legal Systems*, International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS) Volume 3, Issue 1, di <http://www.isaet.org/images/extraimages/P115322.pdf>.

Muhammad Dahiru Shuni, Attahir Shehu Mainiyo, *Justice and Its Relevance in Curtailing Security Challenge in Nigeria*, IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS) Volume 19, Issue 4, Ver. III (Apr. 2014), di www.iosrjournals.org,

Zulkuifli Hasan, (2010), *Ethical Principles of Lawyers in Islam*, di <https://zulkuiflihasan.files.wordpress.com/2008/10/shariah-law-report-ethics.pdf>.

Zulkifli Hasan, (2008), *The Prophet's Tradition On The Ethical Principle of Lawyers*, di <https://zulkuiflihasan.files.wordpress.com/2008/06/jurnal-hadith.pdf>

Raihanah Azahari, Asmak Ab Rahman dan Bahiyah Ahmad dalam artikel bertajuk *Penentuan Kadar Kifayah dan Makruf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah*, Jurnal Shariah, Jilid 20 Bil.2, Mei-Ogos 2012, di https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002815_83746.pdf

Mahfodz Mohamed, *Hudud Menurut Al-Quran dan As-Sunnah*, Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014, 29 Mei 2014, Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Rencana di Laman Sesawang:

Zaharudin Abd. Rahman, (2007), *Hukum Kerja Peguam, Saksi, Penjamin Bank*, di <http://zaharuddin.net/kerjaya/281-hukum-kerja-peguam-saksi-penjamin-pinjaman-bank.html>.

<http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/document3/Buku%20Panduan/bench%20book%20-%20Undang2/23.pdf>.

HG.Org Legal Resources di <https://www.hg.org/litigation-law.html>.
<http://www.cljlaw.com>.

<https://www.scribd.com/doc/55176383/law2221-1>.

Ensiklopedia:

Alan B. Bernstein and Princeton Review Publishing Staff (2004). "Corporate Lawyer". *Guide to Your Career*. The Princeton Review. ISBN 0-375-76399-6. Di https://en.wikipedia.org/wiki/Corporate_lawyer#cite_note-Princeton-2

Statut:

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
<http://www.mswp.gov.my/>

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, di
<http://rr.mpc.gov.my/data/license-legal-523f375921a2e.pdf>.

Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak- 1988), di
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf.

Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Kanun Tatacara Jenayah.

Kanun Keseksaan.

Akta Profession Undang-Undang 1976, di

http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/20120920_A1444_BM_BM%20A1444.pdf.

Kaedah-Kaedah Peguam Syarie 1992, di <http://www2.esyariah.gov.my/>.

Kes:

Seri Utama Dewi Kasman lwn. Abu Bakar bin Abdullah Jurnal Hukum 30 Bhg.1 (1431/2010), 111. di Jurnal Shariah, Jilid 20 Bil.2, Mei-Ogos 2012, di

https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00002815_83746.pdf

Talib lwn. Che Sepiah (1979) 1 JH (1) 84,

<https://www.scribd.com/doc/55176383/law2221-1>.

Pegawai Pendakwa Muis lwn. Haji Adib bin Datuk Said Besar Sigoh (1989) JH 6 (2) 306 di

<http://www.esyariah.gov.my/JurnalHukumSearch/htdocs/jurnalhukumsearch>.

Pendakwa Syarie lwn. Jaiman Masta@Mastah dan Jamidah bte Abdul Majid (2005) JH 20 (1) 154 di

<http://www.esyariah.gov.my/JurnalHukumSearch/htdocs/jurnalhukumsearch>